

TOP GLOVE DIKTIRAF SEBAGAI PENGGERAK INDUSTRI

02 February 2022 / 12:02



KUALA LUMPUR: Top Glove Corporation Bhd mengumumkan kemasukan kali pertamanya dengan pengiktirafan Penggerak Industri dalam buku tahunan 'Sustainability Yearbook 2022' oleh S&P Global.

Syarikat itu adalah satu daripada 53 Penggerak Industri yang diiktiraf dalam buku tahunan berkenaan.

"Kami melihat kemasukan syarikat ini dalam senarai 'Sustainability Yearbook 2022' oleh S&P Global sebagai satu pencapaian penting dalam usaha Top Glove untuk menjadi suara utama dalam industri pembuatan penjagaan kesihatan dari segi alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)," kata Pengarah Urusannya, Datuk Lee Kim Meow dalam satu kenyataan.

Buku tahunan itu adalah satu daripada penerbitan paling komprehensif di dunia yang menyediakan analisis mendalam mengenai kemampuan korporat.

Ia berdasarkan kepada syarikat dalam pelbagai industri yang dinilai dalam Penilaian Kemampuan Korporat Global S&P (CSA), yang merupakan asas bagi Skor ESG S&P Global.

Skor ESG itu juga adalah asas bagi kemasukan ke dalam Indeks Kemampuan Dow Jones (DJSI).